

01 NOV 2002

ROHANI MENANG JAWATAN Pengerusi Tetap Puteri UMNO

KUALA LUMPUR, 1 Nov (Bernama) -- Rohani Abu Hassan memenangi pemilihan untuk jawatan Pengerusi Tetap manakala Sulasi Haji Mahadi dipilih sebagai Timbalan Pengerusi Tetap pada pemilihan Puteri Umno di sini hari ini.

Seramai 20 anggota exco turut dipilih daripada 47 calon dalam pemilihan yang pertama kali diadakan itu.

Mereka ialah Rosnah Abdul Rashid Shirlin, Marzita Mansor, Noorahmar Mohd Nawawi, Nordiana Shafie, Norhamizah Mat Tahir, Azlina Mestab Mohd Hisaq, Sharifah Syahirah Sheikh, Norazma Zakaria, Norasyikin Che Onn dan Nolee Ashilin Radzi.

Norashekin Yusof, Hasfizatulnisha Mat Isa, Siti Azizah Omar, Habibah Yusof, Mas Ermieyati Samsuddin, Julita Ilhani Jabbar, Khasnoor Abdul Khalid, Noraliza Nordin, Maizatul Akmam Alawi dan Ida Moerni Zakaria.

Keputusan itu diumumkan oleh Timbalan Pengerusi Tetap Umno Datuk Onn Ismail.

Beliau turut mengumumkan Azalina Othman Said sebagai Ketua Puteri Umno tanpa bertanding dan Noraini Ahmad sebagai Naib Ketua juga tanpa bertanding.

Perhimpunan Puteri dirasmikan oleh presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad petang ini.

-- BERNAMA

AZZ CS RV RHM